



MAHATHIR-UMNO 2 JITRA

BELIAU MELAHIRKAN RASA KESAL KERANA TERDAPAT TUDUHAN-TUDUHAN BAHAWA BELIAU TELAH MEMBERI KEMUDAHAN HANYA KEPADA SAHABAT-SAHABATNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEMUA RAKYAT NEGARA INI ADALAH SAHABATNYA.

PERDANA MENTERI SELANJUTNYA MENYERU SELURUH ANGGOTA UMNO TERUTAMA PARA PEMIMPIN SUPAYA TIDAK BOROS DALAM PERBELANJAAN SEBALIKNYA SENTIABA MENEKANKAN ASPEK JIMAT CERMAT.

BELIAU MENDAPATI ADA PEMIMPIN YANG MENGGUNAKAN KERTAS YANG LEBIH MAHAL DARI YANG DIGUNAKAN OLEH PERDANA MENTERI SENDIRI.

BELIAU JUGA MAHU BAHAGIAN DAN CAWANGAN UMNO TIDAK BERGANTUNG KEPADA PIHAK LUAR UNTUK MEMBERI SUMBANGAN KEWANGAN BAGI KEGIATAN PARTI.

+ KITA HARUS BERGANTUNG KEPADA DIRI KITA SENDIRI DAN TIDAK DIBIYAI OLEH ORANG LAIN, + KATANYA.

JIKA TERLALU BANYAK BERGANTUNG KEPADA PERTOLONGAN DARI ORANG LAIN, INI AKAN MENAKIBATKAN PARA PEMIMPIN UMNO MENJADI + LUPA DARATAN, + DAN IANYA AKAN MELENAKAN PERJUANGAN PARTI. -- LAGI 1412/OD +

ZCZC B549

MAHATHIR-UMNO 3 JITRA

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA BERKATA BAHAWA BELIAU BERSEDA DISINERIKAN DARI JAWATANNYA JIKA BELIAU TIDAK MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN SEMPURNA.

+ SAYA TIDAK BERNIAT MENJADI PEMIMPIN SEUMUR HIDUP, + TAMBAHNYA. --BERNAMA 1414/OD

MAHATHIR-UMNO 4 JITRA (SAMBUNGAN B549)

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA PARA PEMIMPIN DARI SEBUAH PARTI PEMBANGKANG PASTI AKAN DATANG KE KAWASAN INI UNTUK MEMBOHONGI RAKYAT DENGAN BERBAGAI DAKYAH DENGAN MENGGUNAKAN AGAMA.

PARTI TERSEBUT KINI TELAH DISUSUN SEMULA DENGAN MELETAKKAN PARA ULAMAKNYA MEMEGANG TERAJU KEPIMPINAN, KATANYA.

MENURUT BELIAU LANGKAH ITU HANYA MUSLIHAT PARTI SEMATA-MATA DAN SEBENARNYA TIDAK ADA PERUBAHAN DAN BELIAU MENDUGA KEKECOHAN DALAM PARTI TERSEBUT AKAN BERLAKU LAGI. -- BERNAMA 1536/ZCM